

## **PENGARUH MEDIA MASSA TERHADAP PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT**

*(Mass Media Effect on Changes in Social Community)*

Sohana Abdul Hamid

### **ABSTRAK**

Media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi dalam bidang informasi dan komunikasi. Pengaruh media massa berbeza-beza terhadap setiap individu. Hal ini disebabkan kerana adanya perbezaan corak pemikiran, perbezaan sifat yang terkesan pada pengambilan sikap, hubungan sosial sehari-hari dan perbezaan budaya. Manakala era globalisasi pula memiliki pengaruh yang kuat disegala dimensi kehidupan masyarakat. Hal ini menyebabkan terjadinya perubahan-perubahan sosial baik secara positif mahupun negatif. Perkembangan teknologi membuatkan masyarakat tersepit diantara dua pilihan. Di satu pihak masyarakat menerima kehadiran teknologi, di pihak yang lain kehadiran teknologi moden jesteru menimbulkan masalah-masalah yang bersifat struktural yang menambahkan di semua aspek kehidupan masyarakat. Dewasa ini kemajuan teknologi informasi yang menuju kearah globalisasi komunikasi dirasakan cenderung berpengaruh langsung terhadap tingkat peradaban masyarakat dan bangsa. Media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi informasi dan komunikasi, melalui media massa yang semakin banyak berkembang memungkinkan informasi menyebar dengan mudah pada masyarakat. Informasi dalam bentuk apapun dapat di sebar luaskan dengan mudah dan cepat sehingga mempengaruhi corak pandangan, gaya hidup, serta budaya suatu bangsa. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan pengaruh media massa terhadap kehidupn sosial masyarakat kini yang harus mendepani arus globalisasi.

**Kata Kunci:** Media massa, pengaruh, masyarakat, globalisasi, budaya

## **ABSTRACT**

*The mass media is one form of technological progress in the field of information and communication. Mass media influence vary for each individual. This is caused of the distinction patterns of thought, a distinction nature impressed on taking a stand, everyday social relations and cultural distinction. When the era of globalization also has a strong influence in all dimensions of people's lives. This leads to social changes both positively mahupun negative. Technological developments make society cannot choose between the two options. On the one hand the public to accept the presence of technology, on the other hand the presence of modern technology leads to problems that are structural which adds in all aspects of community life. Today the advances in information technology are moving towards globalization of communication is felt likely to directly influence the level of civilization and nation. The mass media is one form of advances in information technology and communication, through the mass media are increasingly emerging that would allow information to spread easily in society. Information in any form can spread easily and quickly expand thereby affecting patterns outlook, lifestyle, and culture of a nation. Thus, this paper will discuss the influence of mass media on social community life now have to facing globalization issues.*

**Keywords:** mass media, influence, society, globalization, culture

## **PENDAHULUAN**

Media massa mempunyai peranan yang sangat penting dalam era globalisasi kini. Era globalisasi memiliki pengaruh yang kuat di setiap dimensi kehidupan masyarakat. Media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi informasi dan komunikasi. Peranan komunikasi sangat penting untuk menentukan penyampaian informasi. Sejalan dengan kemajuan teknologi komunikasi yang kian pesat, maka kaedah komunikasi juga turut mengalami kepesatan perkembangannya. Media Massa merupakan saluran yang digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Terdapat dua jenis media massa iaitu media elektronik dan media cetak. Media elektronik merangkumi televisyen, radio dan internet manakala media cetak pula merangkumi akhbar, majalah, buku dan sebagainya. Kini, media elektronik seperti internet merupakan saluran yang paling banyak digunakan oleh masyarakat untuk menyampaikan atau menerima maklumat berkaitan sesuatu isu. Hal ini disebabkan internet lebih cepat dan pantas dalam memberi atau menerima maklumat. Media juga menjadi pencetus minda masyarakat kita ke arah lebih kreatif dan kritis.

Manakala era globalisasi memiliki pengaruh yang kuat disegala dimensi kehidupan masyarakat. Globalisasi pula dianggap sebagai proses yang meletakkan dunia di bawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Dunia tidak lagi mempunyai sempadan. Menurut Anderson dan Taylor (2013) mengatakan globalisasi merupakan satu proses peningkatan jaringan dan saling bergantung antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Menerusi globalisasi, negara-negara didunia ini tidak lagi dilihat sebagai sebuah entiti yang berasingan malahan negara-negara ini saling berhubungan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti kegiatan ekonomi yang mana lama-kelamaan negara-negara tersebut saling bergantung antara satu sama lain.

Media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi dalam bidang informasi dan komunikasi. Kemajuam bidang informasi membawa kita memasuki abad revolusi komunikasi. Bahkan ada yang menyebutnya sebagai ‘ledakan komunikasi’. Pengaruh media massa berbeza-beza terhadap setiap individu. Hal ini disebabkan kerana adanya perbezaan di antara pola pemikiran, perbezaan sifat yang memberi impak kepada sikap, hubungan sosial setiap hari dan perbezaan budaya. Hal ini menyebabkan terjadinya perubahan-perubahan sosial baik secara positif maupun negatif. Perkembangan teknologi membuat masyarakat terhimpit diantara dua pilihan. Di satu pihak masyarakat menerima kehadiran teknologi, di pihak lain pula kehadiran teknologi moden jesteru menimbulkan masalah-masalah yang bersifat struktural yang menambah di semua aspek kehidupan masyarakat. Salah satu diantaranya yang cukup membuat masyarakat kagum adalah perkembangan teknologi informasi.

Rumusan masalah kajian ini adalah, bagaimanakah peranan dan fungsi media massa sebagai penunjang perubahan bagi masyarakat? Bagaimanakah pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat? Tujuan penulisan adalah mengetahui peranan dan fungsi media massa sebagai penunjang perubahan bagi masyarakat dan mengetahui pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat.

## **KEPENTINGAN MEDIA MASSA**

Dalam kehidupan masyarakat yang sentiasa mengejar arus pembangunan, media massa memainkan peranan yang cukup penting untuk merealisasikan impian masyarakat ke arah kehidupan yang lebih moden dan maju sejajar dengan Wawasan 2020. Media massa dikatakan mampu mendidik rakyat serta mampu menentukan arah kehidupan masyarakat Malaysia. Namun sejauh manakah kenyataan ini?

Sebagaimana yang diketahui, media massa merupakan penyebar saluran maklumat yang utama di Malaysia. Kepentingannya sebagai saluran maklumat yang unggul terbukti dengan wujudnya 'teknologi maklumat'. Internet digunakan dengan meluas kerana kebolehannya memberikan maklumat yang cepat dan padat walaupun maklumat itu belum lagi dipastikan kesahihannya. Selain itu, maklumat juga dapat diperolehi melalui cabang-cabang media massa yang lain seperti televisyen, radio, akhbar, majalah dan sebagainya. Bertitik tolak dari situlah, media massa mampu meningkatkan taraf sosial seseorang individu melalui penerimaan maklumat terkini dan penggunaan peralatan moden dan terkini. Jesteru itu, media massa dapat menentukan arah kehidupan masyarakat ke tahap yang lebih tinggi dan pemodenan negara dapat dilaksanakan.

Bukan itu sahaja, media massa juga turut membantu meningkatkan jumlah cendekiawan di negara ini. Peningkatan yang mendadak ini telah juga melahirkan banyak golongan profesional misalnya pakar bedah, peguam, arkitek dan sebagainya. Dengan wujudnya golongan intelektual ini, ekonomi negara turut sama ditingkatkan melalui idea-idea yang bernas berhubung sesuatu negara bertujuan untuk memajukan negara golongan profesional ini sudah tentunya mendapat maklumat daripada media massa untuk memodenkan negara. Perdana Menteri juga menyarankan pendedahan penggunaan media massa terhadap setiap lapisan masyarakat dan tidak hanya tertumpu pada masyarakat bandar sahaja. Ini supaya masyarakat luar bandar tidak tercicir daripada arus kemodenan dan mendapat maklumat yang sama.

Selain itu, media massa juga mampu memupuk sikap gemar membaca di kalangan masyarakat. Pemupukan sikap gemar membaca tidak hanya tertumpu kepada golongan pelajar sahaja, malahan penglibatan setiap anggota masyarakat adalah amat digalakkan. Dengan ini, penggunaan media massa sebagai satu cara memupuk minat membaca tidak dapat dinafikan lagi.

Kes jenayah juga di katakan meningkat dari tahun ke tahun. Baru- baru ini, negara dikejutkan dengan berita penculikan di Pulau Sipadan yang melibatkan empat orang tebusan. Kerajaan dapat mengambil langkah agar setiap pulau berhampiran sempadan Filipina diawasi. Ini menunjukkan kepentingan media massa dalam mengurangkan kadar jenayah di negara ini. Ini dapat juga menaikkan taraf ekonomi negara dan seterusnya memajukan negara melalui permintaan komputer-komputer yang semakin meningkat dari hari ke hari. Media massa juga memberi faedah kepada institusi serta badan kerajaan mahupun swasta yang tertentu. Dengan ini jelaslah bahawa kepentingan media massa pada masyarakat hari ini dalam mendapatkan pekerjaan, maklumat dan sebagainya.

Jesteru itu, penggunaan media massa telah sedikit sebanyak mendidik rakyat ke arah kehidupan yang lebih baik dan selesa. Masyarakat yang berdaya fikir tinggi sejajar dengan wawasan Malaysia dapat dibentuk dan arus pemodenan negara dapat dijalankan dengan berjayanya tanpa sebarang halangan yang mampu menggugat kestabilan ekonomi dan politik negara.

## **PERANAN DAN FUNGSI MEDIA MASSA DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT**

### **Media massa sebagai pemberi maklumat**

Media massa memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan seharian kita pada hari ini sehingga setiap orang tidak mungkin dapat mengasingkan diri daripada pengaruhnya, sama ada melalui media cetak mahupun media elektronik. Ia merupakan suatu keperluan sebagai alat untuk mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa, sukan, pendidikan, kesihatan, dan hiburan

untuk semua. Media dalam kehidupan moden kini menjadi amat pantas hasil perkembangan sains dan teknologi. Di samping itu, ia juga menjadi kompleks serta menimbulkan pelbagai masalah sosial, moral, politik dan ekonomi. Apa-apa sahaja yang dihasilkan melalui media ialah komunikasi massa. Antaranya termasuklah akhbar, majalah, radio, televisyen, filem, pita rakam, piring hitam, buku dan sebagainya. Semua jenis komunikasi melalui media begini memungkinkan penyebaran maklumat yang sama dengan meluas kepada penerima yang ramai dan berselerak di merata-rata tempat (Mansor, 1984: 51).

Media massa banyak memberi perkembangan dan maklumat kepada masyarakat terutamanya berkaitan hal ehwal semasa, berita luar mahupun dalam negara. Media juga turut memberi manfaat kepada perkembangan pendidikan masa kini. Namun dalam masa yang sama media massa juga mungkin menyumbang ke arah kesan negatif. Contohnya, salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah hasil daripada bahan dan rancangan media massa yang dipaparkan dalam negara (Wan Norina W.H., Zaharah,H.,Ahmad, F.,Mohamed ,Y., & Ahmad Arifin,S.(2013).

Selain itu, peranan media terhadap pengetahuan masyarakat juga bertindak sebagai bahan rujukan kepada masyarakat. Masyarakat yang mementingkan maklumat berkaitan dengan pelbagai aspek dapat merujuk kepada media massa dalam mencapai maklumat tersebut. Sebagai contoh, masyarakat ingin mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan gaya hidup sihat. Oleh itu, mereka boleh melayari internet dan mencari maklumat tentang gaya hidup sihat bagi membantunya mengamalkan gaya hidup sihat tersebut. Selain itu, mereka juga boleh mencari maklumat tersebut melalui media cetak seperti majalah kesihatan dan sisipan akhbar dalam bahagian kesihatan. Merujuk pada keadaan sekarang di mana masyarakat lebih di pengaruhi melalui media elektronik tentang penjualan produk kesihatan. Masyarakat lebih terpengaruh dengan penjualan produk melalui internet seperti di dalam 'facebook'.

**Peranan media massa untuk berdakwah.**

Sememangnya diakui bahawa peredaran semasa dan perkembangan teknologi media sepertimana yang kita faham hari ini belum wujud semasa zaman awal Islam. Namun begitu, ajaran Islam menganjurkan agar setiap kita berperanan sebagai dai dengan melakukan kerja dakwah dalam skop yang kita ada. Tuntutan ini menjadikan penggiat media turut berperanan utama sebagai perantara/alat bagi menyebarkan dakwah, iaitu mengajak manusia ke arah mengabdikan diri kepada Allah SWT. Tugas dakwah ini sepatutnya turut dimainkan oleh penggiat media, menggunakan saluran media untuk mengajak orang ramai beriman kepada Allah SWT, dan memperkenalkan ciri-ciri ajaran Islam kepada masyarakat.

### **Penerapan Nilai Murni**

Media sewajarnya berperanan menerapkan nilai-nilai Islam atau nilai murni yang diterima. Menghormati ibu bapa dan orang tua, berkasih sayang, menepati masa, menjaga kebersihan, dan seumpamanya merupakan antara nilai-nilai murni dan akhlak yang sewajarnya di tonjolkan untuk mendidik masyarakat agar mereka turut sama-sama menghayati nilai-nilai ini. Amat malang apabila akhlak yang buruk yang kerap ditonjolkan oleh media. Menurut pakar Psikologi Islam, Prof. Dr. Malik Badri, masyarakat semakin hilang sensitiviti terhadap perkara keji ini dan merasakan ‘jika orang lain boleh buat, apa salahnya aku buat, bukan aku seorang sahaja’. Realitinya ternyata benar apabila media massa sering memaparkan cerita-cerita kejadian membuang bayi di negara kita juga semakin menjadi-jadi sehingga kita sendiri sudah mula menganggapnya sebagai lumrah. Umat semakin hilang rasa sensitif dan kepekaan.

### **Bercakap Benar**

Media hari ini sering kali dilihat mengorbankan nilai kebenaran semata-mata untuk menjaga kepentingan pihak-pihak tertentu sama ada pemilik media berkenaan atau pihak-pihak lain yang mengawal penyiarannya. Hal ini menyebabkan media mengorbankan prinsip kebenaran dan menyebarkan pendustaan.

Allah SWT, berfirman dalam surah al- Hajj ayat 30, yang mafhumnya berbunyi ‘Jauhilah perkataan dusta’. Dalil ini amat jelas menunjukkan kepada kita betapa menjadi kewajiban setiap orang termasuk penggiat media untuk menyampaikan kebenaran dan menggelakkan pendustaan dan pembohongan. Begitu juga pesanan masyhur Baginda Nabi SAW yang mafhumnya berbunyi ‘Berkata benarlah walaupun pahit’. (petikan dari Nik Rokiman Abdul Samad, IKIM)

Malang sekali hari ini, perkara inilah yang berlaku dalam masyarakat kita apabila media massa banyak menyogokkan berita-berita bohong dan palsu, fitnah dan khabar angin sehingga menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerap kali terjadi apabila pihak media memilih untuk mengambil pendapat sebelah pihak sahaja dan tidak mempedulikan pendapat pihak lain.

## **PENGARUH MEDIA MASSA TERHADAP PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT**

Pesatnya perkembangan teknologi informasi dan komunikasi seperti media massa, menyebabkan terjadi perubahan secara cepat dimana-mana. Media massa sedikit demi sedikit membawa masuk masyarakat ke suatu pola budaya baru dan mulai menentukan polar pola fikir serta budaya perilaku masyarakat. Tanpa disedari media massa telah ikut mengatur jadual hidup kita serta menciptakan sejumlah keperluan.

Keberadaan media massa dalam menyediakan informasi ke arah memacu perubahan serta banyak membawa pengaruh pada pola kehidupan masyarakat kini. Media massa berkembang daripada hanya penggunaan budaya lisan, iaitu pengucapan dan penyebaran maklumat daripada mulut yang kemudian ditambah menjadi senjata yang tajam iaitu melalui tulisan di media cetak.

Daripada satu aspek, media sememangnya merupakan agen perubahan masyarakat yang penting melebihi suara –suara yang lain. Cohen, B.,(1960) seorang tokoh komunikasi berpendapat bahawa meskipun media tidak memberi tahu apa yang harus kita pikirkan, tetapi memengaruhi apa yang kita pikirkan.



Pesatnya perkembangan teknologi informasi dan komunikasi seperti media massa, menyebabkan terjadi perubahan secara cepat di mana-mana. Media massa sedikit demi sedikit membawa masyarakat ke suatu pola budaya baru dan mulai menentukan pola pemikiran serta budaya perilaku masyarakat. Tanpa disadari media massa telah ikut mengatur jadual hidup kita serta menciptakan sejumlah keperluan atau kehendak kita.

### **Pengaruh Positif**

Kesan positif media massa terhadap masyarakat ialah masyarakat akan memperolehi sesuatu berita dengan lebih pantas. Contohnya, berita-berita luar negara, walaupun berada di negara yang berbeza namun maklumat dan informasi dengan pantas melalui media massa. Hal ini akan menyebabkan masyarakat bersikap lebih peka terhadap isu-isu semasa. Selain itu melalui penggunaan internet dan telefon bimbit membolehkan masyarakat keluar dari kepompongnya. Hal ini kerana apabila adanya interaksi dua hala antara sesuatu masyarakat dengan masyarakat yang lain maka kita dapat melihat dari sudut pandangan berdasarkan kaca mata kita sahaja. Sebaliknya kita akan membuat penilaian mengenai masyarakat luar juga. Pertukaran idea dan pendapat ini mampu mendorong masyarakat untuk berusaha kearah yang lebih baik. Selain itu media amat mempengaruhi kesan kognitif media seperti pembentukan sikap iaitu perkara yang berlaku dalam persekitaran yang berkaitan dengan ekonomi, politik, agama, keamanan mahupun berita semasa. Contohnya media massa memaparkan kempen-kempen seperti kempen membaca, kempen Cintai Alam Sekitar dan sebagainya dilihat Berjaya untuk mempengaruhi masyarakat untuk menyertainya. Apabila adanya penyertaan oleh masyarakat iaitu sambutan yang menggalakkan maka ianya menjustifikasikan bahawa khalayak mampu dipengaruhi oleh media massa.

Bidang sosial dan budaya

- Dapat mengetahui budaya lain.
- Teknologi membentuk suatu budaya baru dalam masyarakat.

- Masyarakat akan lebih cepat mendapatkan informasi-informasi yang lebih tepat dan terbaru melalui internet.
- media memberikan contoh teladan yang bijak untuk mengubah perilaku masyarakat.
- Menyebarkan nilai-nilai murni.

### **Pengaruh Negatif**

Media massa merupakan salah satu alat untuk menyebarkan informasi, pesanan, pendapat, rumor, gossip, propaganda dan sebagainya kepada masyarakat secara keseluruhannya. Sebagai contoh, di era globalisasi ini, setiap perubahan berlaku dengan pantas seperti rekaan fesyen, muzik, selera makanan- minuman, semua turut berubah mengikut masa. Begitu juga dengan media massa. Media massa di zaman era globalisasi ini dengan adanya televisyen, radio, majalah, telefon bimbit yang canggih (smart phone) mengakibatkan berita yang tersebar semakin tidak berkualiti bahkan kadang- kadang berita yang belum dikenal pasti atau merupakan satu fitnah.

Pengaruh negatif yang lainnya adalah, media massa zaman sekarang yang biasa diatur penyiarannya. Di era globalisasi ini, banyak sekali orang yang ‘menghalalkan’ segala cara. Jadi media massa yang menjadi wadah untuk menyampaikan berita pun merebak kekeseluruhannya.

- Mengubah gaya hidup seseorang.
- Teknologi digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab.
- Acuh terhadap persoalan yang terjadi pada masyarakat.
- Kekuatan media massa mempengaruhi gaya hidup seseorang

Tidak dapat dinafikan lagi, sebagai contohnya, media massa merupakan penyumbang utama kepada keruntuhan moral di kalangan belia. Program-program televisyen khususnya, lebih mementingkan hiburan daripada maklumat. Tayangan-tayangan filem barat dan hindustan

contohnya, telah menolak unsur-unsur ketimuran yang sebatu dalam jiwa masyarakat. Adegan-adegan lucu hanyalah sebagai halwa mata bagi mereka. Jadi apabila filem tersebut dipertontonkan, sudah tentu golongan remaja amnya, akan meniru stail ataupun gaya dan aksi artis pujaan mereka. Secara tidak langsung, ianya mencetus kemelut jati diri bagi remaja yang sedang mencari identiti seterusnya terlibat dalam gejala hindunisme ini.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Wan Hamat, W.,N. et. al (2013) mendapati melayari laman web merupakan aktiviti yang paling digemari oleh pelajar- polajar di sebuah institusi pengajian dengan bertujuan untuk bersantai. Dari hasil kajian mereka juga menunjukkan pelajar menghabiskan masa lebih daripada tiga jam dalam sehari bagi melayari web untuk bersantai. Laman web untuk bersantai ini termasuk dengan laman web sosial seperti *facebook*, *twitter*, *instagram* dan sebagainya. Dapatan ini juga turut diakui oleh Fariza, M.,S.(2010) *facebook* merupakan antara laman web yang paling popular di Malaysia dan mendapati juga kebanyakan masyarakat di Malaysia yang ramai melayari web facebook ini adalah dikalangan yang berumur 12 hingga 35 tahun.

Namun begitu, perlu disedari bahawa generasi muda mudah terdedah kepada ledakan maklumat daripada pelbagai sumber dan saluran yang pelbagai berkemungkinan memberi kesan negatif jika tidak berupaya dikawal dengan baik. Disamping itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan kandungan media massa yang paling diminati oleh pelajar ataupun golongan remaja ialah bahan berbentuk hiburan.Ini terbukti dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim Tamuri et. al. (2006); Shamsudin A. Rahim (2001) Mohd. Ali Iksan (2010) dimana hasil dapatan kajian mereka menunjukkan bahan media massa berbentuk hiburan yang paling diminati oleh remaja yang juga dikategorikan dalam kalangan pelajar. Di mana pengaruh hiburan kearah keseronokan menjadi pilihan utama masyarakat berbanding slot agama dan wacana ilmu yang boleh menambah ilmu pengetahuan dan ini membuktikan media massa sangat mempengaruhi tingkah laku,akhlak dan kehidupan sosial mereka.

Hasil keseluruhan kajian ini, menunjukkan bahawa media massa banyak memberi pengaruh positif kepada pelajar dan mereka masih lagi dapat memilih antara yang berfaedah mahupun sebaliknya. Disamping itu, dapatan ini juga menunjukkan minat pelajar terhadap bahan-bahan media massa berbentuk hiburan, humor, seram dan lucah boleh memberi kesan negatif kepada penampilan akhlak sebagai pelajar. Oleh sebab itu, mereka perlu menyeimbangkan penggunaan teknologi dan bahan media yang boleh merosakkan mereka supaya tidak menjurus kearah keburukan yang boleh menjejaskan identiti dan jati diri mereka sebagai pelajar yang bakal menerajui negara pada masa akan datang.

## **KESIMPULAN**

Media amat berpengaruh dalam masyarakat dalam apa jua keadaan termasuklah untuk melestarikan kehidupan masyarakat. Media massa pada asalnya bersifat sekadar untuk menyebarkan maklumat dan komunikasi semata-mata. Kemudian media massa turut menjadi sumber hiburan dan kini media terus bergerak mengalami transformasi bukan sekadar sebagai peantara menyebarkan maklumat dan hiburan, tetapi juga sumber pelbagai aktiviti lain termasuk baik dan buruk. Daripada satu aspek, media sememangnya merupakan agen perubahan masyarakat yang penting melebihi suara-suara lain. Jesteru, media mempunyai potensi yang sangat besar dalam menyalurkan nilai-nilai yang positif dan murni kepada semua golongan masyarakat. Ini kerana masyarakat kini menjadikan media massa sebagai wadah untuk mencari maklumat, memahami apa yang tidak didapati di sekolah ataupun rumah dan mencernakan maklumat tersebut menjadi fahaman dan pegangan diri mereka.

Apa-apa sahaja medium yang bergerak dalam masyarakat mempunyai tanggungjawab sosial yang besar dalam membawa masyarakatnya kearah yang lebih bertamadun dan bukannya menjatuhkan martabat atau merosakkan masyarakat. Dalam konteks semasa, pengaruh media massa akan dipengaruhi dari sejauh mana pengguna media memiliki pengetahuan yang cukup dan menghargai dengan baik media itu sendiri.

Jesteru, media massa sama ada media cetak atau elektronik sememangnya memainkan peranan dalam membentuk kehidupan masyarakat kini. Media massa perlu memainkan peranan dalam dakwah, penerapan nilai murni dan memberi maklumat yang benar. Ini lah teras utama untuk melahirkan masyarakat yang aman bahagia dan hidup harmoni serta diberkati Allah SWT. Media seumpama sebilah pisau yang jika digunakan untuk tujuan yang baik dapat memberi manfaat, tetapi jika digunakan tujuan jahat, maka akan memberi mudarat.

## **RUJUKAN**

- Abdul Samad, N.,R. *Peranan Media Dalam Melestarikan masyarakat Kasih Sayang*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ab. Halim T., & Zarin., I.(2006). *Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian Remaja di Sabak Bernam*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam siri ke-5; 1-8. UKM. Bangi: Fakulti Pendidikan
- Fariza,M.,S., & Muhammad , F., A. (2010). *Media Sebagai Tarikan Psikologi Dalam Dakwah*. Kertas kerja Muzakarah Ulama' dan Cendiakawan Islam. Perak: Pejabat SUK Negeri Perak.
- Mansor, A., S.( 1983). *Satu Kumpulan Esei: Media di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Masterman, . 1985.
- Samani, M.C.,Maliki,J.,& Abd.Rashid, A. (2011). *Leterasi Media: Kea rah Melahirkan Pengguna Media Berpengetahuan*. Malaysian Journal Of Media Studies. Vol.13.No. 2.
- Wan Norina W.H.,Zaharah,H.,Ahmad, F.,Mohamed ,Y., & Ahmad Arifin,S.(2013). *Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia*. The Online Journal of Islamic Education. Januari 2013, Vol.1 , Issue 1.